

# penjana

## Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

### SOALAN LAZIM

#### BUMIPUTERA RELIEF FINANCING (BRF)

#### PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD

BIL. 1/2020 | 25 OGOS 2020

### BAHAGIAN 1: PAKEJ PEMBIAYAAN

**1. Apakah inisiatif yang ditawarkan oleh PUNB untuk perniagaan yang terjejas akibat pandemik COVID-19?**

---

PUNB memperkenalkan inisiatif *Bumiputera Relief Financing* (BRF) yang menawarkan pembiayaan antara RM100 ribu hingga RM1 juta khusus untuk membantu perniagaan Bumiputera yang terjejas akibat pandemik COVID-19 bagi meneruskan operasi perniagaan.

**2. Bolehkah saya memohon kemudahan pembiayaan PUNB yang lain dalam tempoh BRF?**

---

Ya, anda boleh memohon.

**3. Berapakah kadar keuntungan BRF?**

---

Kadar keuntungan yang dikenakan ialah 3.5% setahun berdasarkan pengiraan asas bulanan.



#### **4. Bagaimanakah cara pembayaran pembiayaan?**

---

Pembayaran boleh dilakukan melalui perbankan dalam talian, cek dan JomPAY.

#### **5. Berapa lamakah tempoh pembiayaan BRF?**

---

Tempoh pembiayaan BRF adalah sehingga 66 bulan termasuk 6 bulan moratorium.

#### **6. Bolehkah BRF digunakan untuk membaiki atau mengubah suai premis perniagaan?**

---

Tidak boleh. Kegunaan pembiayaan BRF ini haruslah mengikut skop pembiayaan yang telah ditetapkan. Sila rujuk portal rasmi PUNB [www.punb.com.my](http://www.punb.com.my) di bahagian Skop Pembiayaan BRF atau hubungi talian Pusat Khidmat Pelanggan di 1300 13 7862.

#### **7. Bolehkah BRF yang diluluskan digunakan untuk membuat pembayaran pembiayaan sedia ada?**

---

Tidak boleh. Pembiayaan BRF khusus bagi skop pembiayaan yang telah ditetapkan dan tidak boleh digunakan untuk membuat pembayaran pembiayaan bagi mana-mana kredit/ pinjaman/ pembiayaan sedia ada sama ada dengan PUNB atau institusi kewangan lain.



**8. Saya adalah pemilik kepada beberapa buah syarikat. Adakah syarikat-syarikat saya ini layak untuk memohon?**

---

Ya, dengan syarat perniagaan tersebut dijalankan secara berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, jumlah maksimum pembiayaan adalah terhad kepada RM1 juta untuk setiap pemilik perniagaan.



## BAHAGIAN 2: SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

### 1. Siapakah yang layak memohon pembiayaan BRF?

---

Setiap usahawan Bumiputera yang terjejas akibat daripada ekonomi yang merudum disebabkan oleh pandemik COVID-19.

### 2. Apakah syarat-syarat yang diperlukan bagi permohonan BRF?

---

Syarat-syarat adalah seperti berikut:

- Perniagaan Bumiputera yang terjejas akibat daripada ekonomi merudum disebabkan oleh pandemik COVID-19 dengan minimum hasil perlehan jualan sebanyak RM300 ribu setahun.
- Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) atau badan-badan Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan yang diiktiraf. Ini TIDAK termasuk entiti yang tersenarai di Bursa Malaysia dan syarikat-syarikat subsidiari entiti berikut:
  - Syarikat Senarai Awam (tempatan atau asing)
  - Syarikat Multinasional (MNC)/Firma besar
  - Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
  - Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKDs)
  - Syarikat Milik Kerajaan Negeri
  - Koperasi
- Perniagaan milik Bumiputera (sekurang-kurangnya 70% pemegang saham syarikat adalah Bumiputera)
- Rekod kewangan yang memuaskan



### **3. Saya bukan usahawan di bawah PUNB. Bolehkah saya memohon BRF?**

---

Ya. BRF ini adalah terbuka untuk semua perniagaan Bumiputera dan memenuhi setiap syarat seperti di perkara (2).

### **4. Apakah dokumen yang diperlukan untuk permohonan BRF?**

---

Sila rujuk portal rasmi PUNB [www.punb.com.my](http://www.punb.com.my) untuk senarai dokumen diperlukan bagi permohonan di bawah BRF.

### **5. Saya tidak mempunyai semua dokumen seperti yang diperlukan. Bolehkah saya memohon?**

---

Boleh, walau bagaimanapun, anda perlu mendapatkan dokumen yang ditetapkan daripada pihak berkaitan seperti SSM, bank-bank yang berkaitan, dan badan-badan lain yang setaraf dengannya atau pihak berkuasa tempatan.



### **BAHAGIAN 3: SEKTOR/INDUSTRI PEMBIAYAAN**

- 1. Saya ingin membeli mesin baharu untuk kemudahan kilang pembuatan saya. Adakah saya layak untuk memohon?**
- 

Ya. Dengan syarat mesin baharu tersebut berkaitan dengan sistem automasi & peralatan bagi meningkatkan produktiviti proses perniagaan.

- 2. Saya seorang pembekal barangan bahan binaan bagi kontraktor perumahan. Adakah saya layak untuk memohon?**
- 

Ya. Anda layak untuk memohon memandangkan perniagaan anda berada di bawah sektor yang dibiaya.

Sila rujuk bahagian Sektor Pembiayaan pada maklumat BRF di portal rasmi PUNB [www.punb.com.my](http://www.punb.com.my).

- 3. Saya menjalankan perniagaan ternakan haiwan. Adakah saya layak memohon?**
- 

Tidak. Perniagaan ternakan haiwan tidak dibiaya di bawah BRF.

Sila rujuk bahagian Sektor Pembiayaan pada maklumat BRF di portal rasmi PUNB [www.punb.com.my](http://www.punb.com.my) untuk maklumat lanjut tentang sektor yang tidak dibiaya.



#### 4. Apakah jenis-jenis perniagaan yang dibiaya di bawah BRF bagi industri kreatif?

---

Sila rujuk portal rasmi PUNB [www.punb.com.my](http://www.punb.com.my) untuk jenis-jenis perniagaan yang dibiaya bagi industri kreatif.



## BAHAGIAN 4: PROSES PERMOHONAN

### 1. Bagaimanakah saya ingin memohon pembiayaan BRF?

---

Anda boleh membuat permohonan pembiayaan melalui dalam talian di portal rasmi PUNB di [www.punb.com.my](http://www.punb.com.my). Sila isi setiap maklumat dan muat naik dokumen diperlukan semasa penghantaran permohonan.

### 2. Berapa lama tempoh yang diambil untuk kelulusan pembiayaan?

---

Proses penuh adalah selama **21 hari bekerja** tertakluk kepada pemohon telah:

- a) Menghantar dokumen dan maklumat yang lengkap dan betul
- b) Menepati kesemua syarat
- c) Bebas daripada sebarang tindakan undang-undang oleh mana-mana institusi kewangan/ pihak berkaitan

### 3. Adakah saya perlu membayar yuran pemprosesan?

---

Tidak. Anda tidak perlu membayar yuran pemprosesan semasa permohonan sedang diproses. Yuran pemprosesan hanya perlu dibayar jika permohonan telah diluluskan dan diterima oleh pemohon. Jumlah yuran adalah antara RM350 hingga RM600.





#### **4. Saya menjalankan perniagaan bersama seorang rakan kongsi bukan Bumiputera. Adakah saya layak untuk memohon?**

---

Anda layak memohon jika perniagaan tersebut dimiliki dan diterajui sekurang-kurangnya 70% oleh Bumiputera.

#### **5. Jika permohonan saya tidak lengkap, berapa lamakah tempoh diberikan bagi penghantaran semula dokumen?**

---

Anda diberikan tempoh selama 7 hari untuk menghantar dokumen yang diperlukan. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses. Walau bagaimanapun, permohonan baharu beserta dokumen dan informasi lengkap boleh dihantar sekiranya anda masih berminat.

#### **6. Bagaimanakah PUNB menyalurkan dana kepada pemohon yang berjaya?**

---

Penyaluran dana adalah mengikut skop pembiayaan seperti berikut:

a) Modal kerja, sistem automasi dan peralatan dan perbelanjaan untuk melaksanakan amalan berkaitan prosedur operasi standard (SOP) COVID-19:

- Pembiayaan akan disalurkan terus ke dalam akaun pembekal atau pihak berkaitan seperti yang diluluskan
- Pengembalian pembiayaan ke dalam akaun syarikat bagi pembelian atau urus niaga yang telah dilakukan selepas 1 Mac 2020 beserta bukti pembayaran

b) Perbelanjaan operasi:

Pembiayaan akan disalurkan terus ke dalam akaun syarikat mengikut keperluan bulanan perbelanjaan operasi.



## **BAHAGIAN 5: KEISTIMEWAAN PEMBIAYAAN**

### **1. Adakah moratorium akan diberikan bagi pembiayaan BRF?**

---

Ya. Moratorium selama 6 bulan bermula dari tarikh pembiayaan disalurkan akan diberikan secara automatik untuk setiap permohonan yang diluluskan. Tiada sebarang caj akan dikenakan semasa dalam tempoh 6 bulan moratorium.

### **2. Bolehkah pemilik perniagaan memohon moratorium lebih daripada 6 bulan?**

---

Tidak. Tempoh moratorium adalah selama 6 bulan sahaja.

### **3. Bolehkah saya memohon pembiayaan tambahan BRF sekiranya memerlukan?**

---

Tiada pembiayaan tambahan dibenarkan di bawah BRF.

### **4. Apakah cagaran yang diperlukan bagi BRF?**

---

Tiada sebarang cagaran diperlukan bagi permohonan BRF.



## BAHAGIAN 6: SOALAN-SOALAN LAIN BERKAITAN

### 1. Apakah sebab-sebab sesebuah permohonan pembiayaan itu ditolak?

---

Antara sebab sesebuah permohonan itu ditolak adalah dokumen yang tidak lengkap, informasi yang tidak tepat dan rekod kredit yang tidak mencapai had kelayakan sebelum tahun 2020.

### 2. Bilakah saya boleh memohon BRF?

---

Semua perniagaan Bumiputera yang layak boleh memohon BRF bermula dari tarikh pengumuman sehingga keseluruhan pembiayaan telah habis disalurkan.

### 3. Saya mempunyai pembiayaan daripada institusi kewangan lain. Bolehkah saya memohon untuk BRF?

---

Ya, boleh. Walau bagaimanapun, anda harus menepati setiap syarat kelayakan yang telah ditetapkan seperti di perkara Bahagian 2(2).

### 4. Akaun saya dengan institusi kewangan lain telah disenaraikan sebagai akaun ingkar. Adakah saya layak memohon?

---

Ya dengan syarat akaun ingkar tersebut bermula pada tahun 2020 dan tiada sebarang tindakan undang-undang dikenakan oleh institusi kewangan lain atau pihak berkaitan.



**5. Saya mempunyai akaun pembiayaan PUNB berstatus Penjadualan & Penstrukturan Semula (R&R). Adakah saya layak untuk memohon BRF?**

---

Ya. Anda layak untuk memohon tetapi pembiayaan bagi penjadualan dan penstrukturan semula tersebut haruslah dibayar tepat pada masa.

**6. Saya ingin membuat penyelesaian awal pembiayaan. Adakah saya dibenarkan berbuat demikian?**

---

Ya. Anda boleh membuat penyelesaian awal pembiayaan.

**7. Adakah saya akan dikenakan sebarang caj untuk membuat penyelesaian awal pembiayaan?**

---

Tiada sebarang caj dikenakan untuk penyelesaian awal pembiayaan.

**8. Adakah PUNB akan membuat pemantauan terhadap penggunaan pembiayaan yang telah disalurkan kepada perniagaan yang layak?**

---

PUNB akan memantau penggunaan dana yang diluluskan. Sehubungan itu, anda dikehendaki menghantar laporan prestasi bulanan perniagaan kepada kami.

**9. Saya dimaklumkan bahawa permohonan BRF telah diluluskan. Apakah proses seterusnya?**

---

Sekiranya permohonan lulus, pegawai PUNB akan menghubungi anda bagi proses seterusnya. Sila rujuk carta proses permohonan pada bahagian maklumat BRF di portal rasmi PUNB [www.punb.com.my](http://www.punb.com.my).



## **10. Bagaimana saya ingin menyemak status permohonan selepas penghantaran?**

---

Anda boleh menyemak status permohonan melalui permohonan Atas Talian BRF di portal rasmi PUNB [www.punb.com.my](http://www.punb.com.my).

## **11. Permohonan saya tidak berjaya. Adakah saya layak untuk memohon sekali lagi?**

---

Ya, anda layak, namun sila pastikan anda memenuhi setiap syarat kelayakan ditetapkan dan menghantar dokumen yang lengkap. Anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 1300 13 7862 untuk maklumat lanjut.

## **12. Apakah yang perlu saya lakukan semasa dalam tempoh pembiayaan?**

---

Bagi bantuan perniagaan yang lebih efektif daripada PUNB, anda perlu memastikan syarat-syarat pembiayaan seperti di dalam surat cara perjanjian pembiayaan dipatuhi dan memberi kerjasama dengan pegawai PUNB yang menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa.

## **13. Bolehkah saya memohon pembiayaan melalui orang ketiga atau ejen?**

---

Tidak boleh. Sebarang permohonan yang bukan daripada pemilik/ pengarah/ pemegang saham syarikat yang sah tidak akan diproses.



**14. Saya merupakan Rakan Usahawan PUNB. Adakah kemudahan pembiayaan sedia ada akaun akan digabungkan bersama akaun BRF?**

---

Tidak. Kedua-dua akaun akan diuruskan secara berasingan.

**TARIKH KUATKUASA**

Soalan lazim BRF Bil. 1 Tahun 2020 adalah berkuatkuasa mulai **25 OGOS 2020**.

**Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan PUNB di talian 1300 13 7862 atau emel kami di [customerservice@punb.com.my](mailto:customerservice@punb.com.my)**

